

27 MAR 1996

Ling-Lapangan terbang

KAWASAN UNTUK LAPANGAN TERBANG BARU DI UTARA DIPUTUSKAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan membuat keputusan tidak lama lagi mengenai kawasan yang sesuai bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kawasan Utara yang dicadangkan pembinaannya untuk menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang telah menjadi terlalu sesak, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liong Sik hari ini.

"Keputusan terpaksa dibuat secepat mungkin kerana harga tanah tidak akan turun," kata beliau pada persidangan berita di pejabatnya di sini.

Kata beliau apabila keputusan dibuat mengenai di mana lapangan terbang baru itu akan dibina, kawasan seluas 2,000 ekar akan didapatkan dengan segera.

Dr Ling berkata untuk membuat keputusan bukanlah mudah kerana kerajaan Perak dan Kedah telah menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh terhadap projek itu.

Oleh itu kerajaan terpaksa membuat keputusan sama ada lapangan terbang antarabangsa baru ini akan dibina di utara Perak atau di selatan Kedah.

Dr Ling berkata satu kajian telah dibuat mengenai keperluan untuk membina lapangan terbang di utara atau dipindahkan ke kawasan tengah.

Kata beliau oleh kerana Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas telah menjadi terlalu sesak daripada segi penumpang dan kargo, pembinaan satu lagi lapangan terbang baru difikirkan penting untuk menampung permintaan yang semakin bertambah dari segi penumpang dan kargo.

Lapangan terbang baru yang dicadangkan itu akan mempunyai kemudahan dua tingkat untuk balai berlepas dan balai ketibaan selain daripada dua landasan dan sebuah kompleks kargo yang akan dapat mengendali 100,000 tan kargo dalam setahun.

Dr Ling berkata idea untuk membina lapangan terbang baru ini telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasaskan apa yang beliau lihat di beberapa bandaraya dalam lawatan-lawatan beliau ke luar negara.

"Pembinaan lapangan terbang baru ini kena pada tempatnya untuk tahun 2000 dan sementara itu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang akan siap untuk digunakan sebelum itu," kata beliau.

Mengenai arahan supaya Pelabuhan Klang dikendalikan 24 jam sehari, Dr Ling berkata keputusan itu baik sekali untuk menjadikan pelabuhan itu lebih menarik kepada kapal-kapal luar.

"Kapal-kapal sekarang boleh singgah di pelabuhan itu pada bila-bila masa, setiap hari dalam setahun mulai 1 April. Kita tidak boleh melarang kapal-kapal untuk singgah di pelabuhan itu pada hari Ahad," kata beliau.

Katanya kerajaan telah membuat keputusan untuk menghentikan perbelanjaan berlebihan yang tidak diperlukan seperti pembayaran kerja lebih masa untuk pekerja pelabuhan itu, kastam, imigresen dan pejabat kesihatan.

Dr Ling berkata Pelabuhan Klang akan menjadi pelabuhan yang paling murah sekali di rantau ini yang menawarkan perkhidmatan 24 jam sehari dan langkah ini telah disambut baik oleh tuan-tuan punya kapal dan ejen-ejen mereka. -- BERNAMA

ZAB WAT NMO